

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
SABAH

OLEH

MUHAMMAD SHAIFUL BIN LAMRI

Sarjana Muda Pengurusan  
( Polisi dan Sekitaran Sosial )

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )

2005

PN: 2586

perpustakaan

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039808

LI 34 FPE I 2005



1100039808

Laporan akhir Latihan Industri di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah / Mohammad Shaiful Lamri.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah

LI  
34  
FPE  
1  
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
SABAH**

**OLEH**

**MOHAMMAD SHAIFUL BIN LAMRI**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
**(KUSTEM)**

**2005**

**1100039808**

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya **Mohammad Shaiful bin Lamri (UK 9101)**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Tandatangan



**Nama: Mohammad Shaiful bin Lamri (UK9101)**

**Tarikh: 27/10/05**

**Disahkan Oleh:**



**Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad**  
**Penyelia KUSTEM**  
**b/p Pengerusi Latihan Industri**  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
**(KUSTEM)**

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka saya dapat menjalani Latihan Industri dengan jayanya di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah seterusnya dapat menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penyelia KUSTEM iaitu Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad kerana telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menjalani Latihan Industri. Tidak dilupakan juga saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri bagi membolehkan saya bergraduat dengan cemerlang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah kerana sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di sini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Encik Aftar bin Nurajat selaku Ketua Bahagian Pentadbiran dan Latihan serta Encik Ismail Bin Haji Nasip selaku Penyelia Industri saya kerana membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalani Latihan Industri di Kementerian ini.

Tidak dilupakan juga kepada para pegawai dan kakitangan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah kerana telah banyak memberi bantuan dan kerjasama kepada saya semasa menjalani Latihan Industri.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya serta kepada semua pihak yang telibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Latihan Industri ini.

Sekian, terima kasih.

Mohammad Shaiful bin Lamri  
Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL DAN RAJAH</b>	viii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	ix
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	x
 <b>BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Profil Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah	2
1.3 Sejarah Penubuhan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah	3
1.4 Visi KKTP	4
1.5 Misi KKTP	4
1.6 Objektif KKTP	5
1.7 Fungsi KKTP	7
1.8 Dasar KKTP	8
1.9 Pelanggan KKTP	9
1.10 Piagam Pelanggan KKTP	10
1.11 Struktur Organisasi KKTP	12
1.12 Carta Organisasi KKTP	14
1.13 Aktiviti Organisasi	16
1.14 Kemahiran Yang Dipelajari	26
1.14.1 Mengetahui Urus Tadbir Organisasi	26
1.14.2 Kemahiran Berkomunikasi	28

1.14.3 Membuat Minit Mesyuarat	29
1.14.4 Membuat Surat Rasmi	30
1.14.5 Membuat Fail Aktiviti/Tugas	31
<b>BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	
<b>2.1 Pengenalan</b>	<b>33</b>
<b>2.2 Sistem Sedia Ada</b>	<b>33</b>
2.2.1 Sistem Surat-Menyurat	33
2.2.2 Sistem Fail	34
2.2.3 Sistem Perakam Waktu	36
2.2.4 Sistem Komunikasi Pegawai dan Kakitangan	37
2.2.5 Sistem Perhubungan dan Telekomunikasi	38
2.2.6 Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2)	39
2.2.7 Sistem Cuti	41
2.2.8 Sistem Gaji	43
2.2.9 Sistem Keselamatan	43
<b>2.3 Mengenal Pasti Masalah</b>	<b>44</b>
2.3.1 Ketiadaan Unit Kaunseling	45
2.3.2 Ketiadaan Perpustakaan	45
2.3.3 Penyalahgunaan Mesin Perakam Waktu	46
2.3.4 Kekurangan Pegawai dan Kakitangan	47
2.3.5 Masalah Kehadiran Pegawai dan Kakitangan ke Pejabat	48
2.3.6 Masalah Ruang dan Keceriaan Pejabat	49
2.3.7 Masalah Sistem Perkomputeran	50
<b>2.4 Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan</b>	<b>51</b>
<b>2.5 Cadangan Penyelesaian</b>	<b>54</b>
2.5.1 Mewujudkan Unit Kaunseling	54
2.5.2 Mewujudkan Perpustakaan	55
2.5.3 Memantau Penggunaan Mesin Perakam Waktu dari Masa ke Semasa Serta Menasihati Pegawai dan Kakitangan yang Terlibat	56
2.5.4 Menambah Bilangan Pegawai dan Kakitangan	57
2.5.5 Merekod Nama Pegawai dan Kakitangan yang Mempunyai Masalah Kehadiran ke Pejabat dan Menasihati Mereka	57
2.5.6 Menyusun Semula Peralatan Pejabat dan Menghias Pejabat	58
2.5.7 Menggantikan Perisian Komputer dengan Perisian yang Baru dan Terkini	59

<b>2.6 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi</b>	<b>60</b>
<b>BAB 3 PENUTUP</b>	<b>64</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>67</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>68</b>

## **SENARAI SINGKATAN**

ASP	-	Allotment Supplement Plea
GN	-	Gazet Number
ICT	-	Information and Communication Technology
IT	-	Information Technology
JPBW	-	Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri
JPKN	-	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
KKTP	-	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
KUSTEM	-	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
LPPB	-	Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar
MHEANS	-	Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah
MUIS	-	Majlis Ugama Islam Sabah
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
SM2	-	Sistem Maklumat Sumber Manusia

## **SENARAI JADUAL DAN RAJAH**

### **Muka Surat**

Rajah 1	Carta Organisasi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Januari 2005	14
Rajah 2	Carta Organisasi Bahagian Pentadbiran dan Latihan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah	15
Jadual 1	Sistem Pemfailan Yang Digunakan Oleh KKTP Mengikut Kod dan Perkara	35
Jadual 2	Jumlah Cuti Yang Diperuntukkan Kepada Pegawai/Kakitangan Dalam Setahun Mengikut Kumpulan dan Tempoh Masa Bekerja	41

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran 1: Surat Pengesahan Melapor Diri Untuk Menjalani Latihan Industri
- Lampiran 2: Surat Penerimaan Latihan Industri dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah
- Lampiran 3: Surat Penempatan Pelatih Untuk Menjalani Latihan Industri di Majlis Daerah Tuaran Mulai 02 Mei Hingga 10 Mei 2005
- Lampiran 4: Contoh Surat yang Dibuat Oleh Pelatih
- Lampiran 5: Surat Jemputan Kepada Pelatih Untuk Menghadiri Mesyuarat yang Diadakan Oleh KKTP
- Lampiran 6: Contoh Minit Mesyuarat yang Dibuat Oleh Pelatih
- Lampiran 7: Salinan Kad Perakam Waktu Pelatih

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri adalah salah satu kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti untuk membolehkan para pelajar dapat bergraduat dengan cemerlang. Kursus Latihan Industri ini turut ditawarkan oleh Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan diwajibkan kepada para pelajar Program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) di bawah Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Latihan Industri ini dijalankan selama 12 minggu iaitu 21 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005. Melalui Latihan Industri ini, pelajar ditempatkan di agensi awam atau swasta untuk memberi peluang kepada pelajar aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan.

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di sebuah agensi awam iaitu di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Sabah. Semasa menjalani Latihan Industri, pelatih berpeluang menimba banyak pengalaman yang berguna apabila berada di alam pekerjaan sebenar. Hal ini adalah selaras dengan objektif Latihan Industri ini iaitu membolehkan para pelajar mendapat pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing, mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan, menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang masing-masing, memahami nilai etika profesional masing-masing serta menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Sepanjang menjalani Latihan Industri di KKTP, pelatih telah di tempatkan di beberapa bahagian tertentu iaitu Bahagian Pentadbiran dan Latihan dan Bahagian Pengawal Perumahan. Selain itu, pelatih juga di tempatkan di beberapa buah agensi di bawah KKTP iaitu Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEANS) dan Majlis Daerah Tuaran yang merupakan salah satu daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah. Hal ini membolehkan pelatih dapat mempelajari dan memahami sistem pentadbiran dan pengurusan organisasi dengan lebih mendalam.

Di samping itu, pelatih juga berpeluang mengenalpasti sistem kerja yang sedia ada dan masalah yang wujud di KKTP. Oleh itu melalui laporan akhir ini, pelatih berpeluang memberikan beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang telah dikenal pasti. Pelatih berharap agar cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat membantu KKTP menyelesaikan masalah-masalah yang telah dikenal pasti untuk mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang lebih baik dan efisien.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini adalah satu kursus yang sangat penting dan berguna kepada para pelajar untuk melengkap diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri. Segala pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari dapat diaplikasikan oleh pelajar apabila berada di alam pekerjaan yang sebenar seterusnya dapat membantu pelajar menghadapi situasi realiti alam pekerjaan.